

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, September 18, 2019 9:03 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Menghadap Tuanku Sultan Kedah Mohon Perkenan Terbit Buku Khas



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 SEPTEMBER 2019 / 18 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR MENGHADAP TUANKU SULTAN KEDAH MOHON PERKENAN TERBIT BUKU KHAS



UUM ONLINE: Alor Setar - Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Tuanku Sultan Kedah di Wisma Darulaman, semalam.

Majlis menghadap itu bertujuan untuk menyembah maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan merangkap Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) bahawa universiti ini melalui UUM Press, iaitu jabatan yang bertanggungjawab menerbitkan bahan penerbitan universiti akan menerbitkan sebuah buku khas bertajuk 'Putera Raja Di Bumi Sintok'.

Penulisan buku mewah yang diketuai Naib Canselor bersama Jeneral (B) Tan Sri Azumi Mohamed, Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Saad dan Dr. Mohd. Kasri Saidon itu akan

memperihalkan kisah hidup Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dari tarikh diputerakan sehingga ke pelantikan Tuanku sebagai Canselor UUM.

Buku khas tersebut juga akan memperihalkan pengalaman Tuanku Sultan sewaktu berada di dalam Rejimen Askar Melayu DiRaja menentang komunis di Sintok.

Selain itu, sesi menghadap itu juga adalah untuk menyembah maklum kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM akan berlangsung pada 19 hingga 23 Oktober depan di Dewan Mu'adzam Shah, seterusnya menyembah persilaan dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah untuk bercemar duli berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM sesi pertama pada 19 Oktober.

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir juga menyembah maklum tentang kemasukan pelajar baharu sesi 2019/2020 serta cadangan dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menamakan bangunan Canselori kepada Canselori Tuanku Sallehuddin sebagai lambang kesetiaan UUM kepada Negeri Kedah Darul Aman selaku negeri yang memberikan ruang kepada universiti ini untuk berbakti.

Di samping itu, beliau turut menyembah maklum tentang perkembangan terkini universiti antaranya, kedudukan UUM dalam senarai badan penarafan antarabangsa, Prof. Adjung UUM Rangkul Anugerah Best CEO Faculty, pelajar UUM bangunkan aplikasi untuk membantu komuniti di Jerlun, Yayasan UEM bantu sara hidup 62 pelajar B40, Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter UUM terima pengiktirafan, UUM memberi biasiswa kepada rakyat Palestin, UUM memperoleh dana keusahawanan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM870,000 dan UUM menerima sumbangan zakat sebanyak RM100,000 daripada ETIQA Takaful Berhad.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.